



Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation 27(2) (2009): 73-86

Ilmu dan Ngelmu sebagai Satu Cara Mencari Pengetahuan

NORIAH MOHAMED & YUSMILAYATI YUNOS

ABSTRAK

Ilmu dan ngelmu adalah dua istilah yang ada perbezaannya terutama dalam mendapatkannya. Ilmu boleh didapati daripada pembelajaran formal atau tidak formal sedangkan ngelmu harus didapati secara melakukan "Laku" yang berkait pula dengan konsep kebatinan Jawa. Aksara Ha Na Ra Ca Ka adalah dasar dalam memahami kehidupan di dunia terutama bila berhubungan dengan Tuhan, sesama manusia, dan dengan dirinya sendiri. Elemen diri seperti heneng, hening, dan heling diperlukan dalam pencarian ilmu dan ngelmu, selain kekentalan sikap diri seperti sabar, pasrah, nrima dan rela. Walaupun orang Jawa ada yang dikelompokkan sebagai Muslim norminal/marginal tetapi dasar Islam dapat disejajarkan dengan pegangan pencarian Ilmu dan ngelmu yang semuanya bersumber daripada Sang Pencipta iaitu Allah swt.

Kata kunci: Ilmu, ngelmu, kesempurnaan, kebijaksanaan, eling

ABSTRACT

Although Ilmu (knowledge) and ngelmu (philosophy) may sound similar, they actually carry different definitions and this could be translated on the methods used to obtain each of them. Ilmu can be obtained from formal or informal education while ngelmu can be achieved through any practices that are related to Javanese spiritual concept. The characters of Ha Na Ca Ra Ka are based on someone's understanding on life especially when they are communicating with God, human beings and also themselves. Self elements such as heneng, hening, and heling are vital in searching for ilmu and ngelmu. Besides that, they also need to possess some strong elements within themselves such as sabar (patience), pasrah (submit to their fate), nrima (acceptive) and rela (willingness). Although there are marginal Muslim Javanese in Indonesia, Islamic teachings can still be practiced according to their principles when they are out searching for ilmu and ngelmu, which are both derived from Allah the Almighty.

Key words: Ilmu, ngelmu, perfection, wisdom, heling

PENGENALAN

Bila berbicara mengenai ilmu, seseorang terus sahaja mengaitkannya dengan pengertian ilmu pengetahuan (*knowledge*). Dalam dunia perkamusahan juga





dikatakan ilmu itu sebagai pengetahuan, kepandaian (dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin d.l.) (Dewan Bahasa dan Pustaka 2002:483). Namun keadaan ini amat berbeza dalam tradisi Jawa. Keilmuan Jawa lebih dikenal sebagai *ngelmu* dan dapat pula ditelusuri daripada aksara mereka yang lebih dikenali sebagai Ha, Na, Ca, Ra, Ka.

Aksara Jawa merupakan saran ikhtiar untuk mencapai kesempurnaan (cinta kesempurnaan) dalam usaha mencari ilmu pengetahuan. Cinta kepada kesempurnaan ini dapat disamakan dengan '*the love of perfection*'. Dalam bahasa Jawa terdapat dua ungkapan yang paling lumrah digunakan iaitu "*ngudi kasampurnan*" dan "*ngudi kawicaksanan*" (Noriah Mohamed 1994). Kedua-dua ungkapan tersebut bermaksud berusaha mencari kesempurnaan (Abdullah Ciptoprawiro 1986) dan berusaha mencari kebijaksanaan. Kedua-dua pengertian ini dapat ditelusuri melalui aksara Jawa yang menjadi kunci utama kepada konsep pengetahuan. Jika direnung sejenak pastinya tulisan diguna sebagai sarana penyampaian maklumat atau pengetahuan yang ingin disampaikan kepada khalayak. Tulisan inilah yang membentuk kata-kata sehingga dapat dimengerti dan dipraktikkan sejajar dengan kehendak khalayak. Begitulah juga yang berlaku kepada aksara Jawa yang digunakan oleh khalayak Jawa untuk menyampaikan ilmu dan maklumat. Namun demikian aksara Jawa itu sendiri mempunyai makna yang ada kaitan dengan pandangan jagad Jawa lebih-lebih lagi kepada pengertian kesempurnaan dan kebijaksanaan.

Huraian tentang makna kesempurnaan dan kebijaksanaan ini dapat dilihat daripada lima huruf pertama dari aksara Jawa iaitu HANACARAKA (Abdullah Ciptoprawiro 1986).

- a. Ha ialah *Hurip* atau urip yang bermaksud hidup (Suatu sifat zat yang Maha Esa).
- b. Na ialah *Hana* yang bermaksud ada iaitu adanya semesta dan ada alam semesta.
- c. Ca ialah *Caraka* yang bermaksud utusan dan tulisan.

Jika dilihat pengertian di balik konsep tersebut bahawa Tuhan adalah zat yang sentiasa Esa dan sentiasa hidup. Pembuktian adanya Tuhan dilihat melalui kewujudan ciptaan-Nya seperti adanya alam ini dan manusia sebagai utusan Tuhan di dunia. Manusia bukan sekadar utusan, malahan sebagai ciptaan Tuhan yang dilengkapi dengan fikiran, rasa dan karsa (Noriah Mohamed 1994). Ketiga kelengkapan ini dapat dilihat daripada perkataan Caraka seperti di bawah ini:-

- a. Ca ialah *cipta* yang bermaksud fikir atau nalar melalui akal (*thinking*).
- b. Ra ialah *rasa* yang bermaksud perasaan (*feeling*).
- c. Ka ialah *karsa* yang bermaksud kehendak (*willing*).

Justeru, menurut Abdullah Ciptoprawiro (1986) *caraka* terbahagi kepada dua iaitu utusan dan tulisan. Manusia sebagai utusan sentiasa mencari ilmu pengetahuan dan akhirnya ilmu tersebut disampaikan dalam bentuk tulisan untuk





pengetahuan orang lain. Hal ini sangat berkait rapat dengan konsep ilmu dan *ngelmu* dalam kehidupan terutamanya bagi masyarakat Jawa. Untuk melihatnya secara wajar konsep tersebut dapat dicerna dari perspektif Islam kerana kebanyakan manusia Jawa itu adalah Islam dari jalur kepercayaannya walaupun terdapat warna setempat yang sudah ada sebatian.

PENGERTIAN ILMU DAN *NGELMU*

Bagi membolehkan manusia hidup dalam kesejahteraan, Islam mengarahkan penganutnya supaya berilmu. Untuk mendapatkan ilmu, seseorang itu dikehendaki menuntut ilmu daripada orang yang berilmu. Mengikut perspektif Islam, ilmu adalah luas merangkumi hal-hal yang bersangkutan dunia dan akhirat. Melalui ilmu manusia boleh memenuhi keperluan dirinya dan mengendalikan kelompok dan persekitarannya. Dari segi akal, ilmu itu sesuatu yang utama kerana dengan ilmu, manusia sampai kepada Allah s.w.t. dan menjadi dekat dengan-Nya (Al Ghazali 2003).

Sebagaimana yang lumrah diketahui bahawa semua cabang ilmu pengetahuan yang ada di bumi ini tercakup dalam Al-Quran. Ia merupakan kitab suci yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk disampaikan kepada umat manusia. Isinya berkaitan dengan konsep akidah, akhlak dan pencarian hukum bagi kebahagiaan manusia.

“Alif, lam, ra (inilah) suatu kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci yang diturunkan dari sisi (Allah) Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.” (Hud, 11:1) (Muhammad Yusuf 2001).

Oleh kerana Al-Quran diturunkan kepada seluruh lapisan manusia yang taraf intelektualnya berbeza, maka isinya adalah berbentuk kisah sejarah masa silam agar dijadikan sebagai teladan. Isi Al-Quran berbentuk peribahasa pula digunakan sebagai sarana menyeru akal dan hati yang disampaikan oleh Allah SWT. Justeru, hanya orang-orang yang berilmu sahajalah dapat memahami makna yang tersurat dan tersirat di dalam kitab tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran surah *Al-Ankabut*, ayat 43 yang bermaksud:

“Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buatkan untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu” (Muhammad Yusuf 2001).

Petikan di atas menunjukkan hanya melalui ilmu pengetahuan sahajalah manusia dapat memahami sesuatu yang disampaikan dalam Al-Quran. Allah menyampaikan peringatan dan ilmu secara tersurat dan bagi memahaminya manusia perlu mempunyai ilmu. Apa yang pasti ayat di dalam Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dan setiap bangsa di seluruh dunia menjadikannya sebagai pedoman hidup. Persoalan yang dapat ditimbulkan ialah bagaimana dengan orang yang tidak memahami bahasa Arab? Justeru, di sinilah wujudnya kepentingan ilmu pengetahuan yang disampaikan melalui tulisan. Manusia





mempelajari bahasa Arab agar dapat memahami apa yang terkandung dalam Al-Quran. Sekiranya masih tidak difahami, mereka belajar daripada guru. Di sini menunjukkan kepentingan menuntut ilmu pengetahuan yang menjadi asas kepada kehidupan manusia.

Jika dikaitkan dengan fahaman Jawa “**GURU**” adalah gabungan daripada dua kata “*digugu*” dan “*ditiru*”. Ertinya seseorang guru itu harus dapat memberi teladan dan susuk yang boleh dipercaya. Dalam tradisi Islam juga dikatakan seseorang itu dianggap guru walaupun hanya menyampai sepatah ayat. Dengan itu ilmu dan guru adalah jalur yang tidak terputus.

Konsep menuntut ilmu ini dapat dikaitkan dengan terminologi Jawa yang disebut *ngelmu*. *Ngelmu* adalah singkatan daripada dua suku kata iaitu “*Ngel*” daripada kata “*angel*” yang bermaksud sulit, sukar dan sebagainya, “*mu*” daripada kata “*tinemu*” yang bermakna tahu atau mengerti. *Ngelmu* bermakna *angel tinemu* iaitu sulit/sukar/susah untuk dimengerti, diketahui dan sebagainya (Soesilo 2000). Merujuk kepada pengertian tersebut, *ngelmu* ialah ajaran rahsia untuk pegangan hidup. Pengisian pada *ngelmu* umumnya adalah mengenai hubungan antara manusia dengan Sang Pencipta (Soesilo 2000).

Antara ilmu dengan *ngelmu* terdapat sedikit perbezaan. Ilmu adalah pengetahuan yang sistematis, disusun berdasarkan mitologi tertentu dengan menggunakan logik, lain halnya dengan *ngelmu* dapat diketahui berdasarkan indra batin serta penghayatan peribadi, bukan dengan aktiviti otak atau fikiran (Soesilo 2000).

Berdasarkan hal tersebut di atas, terdapat beberapa sifat *ngelmu*, iaitu:

- a. Diketahui dengan laku batin atau penghayatan rohaniah.
- b. *Ngelmu iku kalakone kanti 'laku'* yang bermaksud mengerti atau mengetahui setelah dijalani sendiri.
- c. Berdasarkan penghayatan, perasaan yang dilakukan sendiri.
- d. Didapati dengan *laku tapa brata* (mengurangi kesenangan dunia), cegah *dhahar* (mengurangi makan yang sedap) *lan guling* (dan tidur).
- e. Di jalankan dengan tiga perkara:
 - i. *Heneng* iaitu konsentrasi
 - ii. *Hening* iaitu fikiran yang bening
 - iii. *Heling* iaitu ingat Tuhan
- f. Belajar *ngelmu* merupakan pucuk atau hujung pengetahuan.
- g. Lebih banyak menggunakan rasa daripada ratio, bahkan ada yang menyebut sebagai punca keenam (Soesilo 2000).

Berdasarkan kepada sifat-sifat tersebut, sifat *ngelmu* yang kelima menarik untuk diperkatakan. Ia dijalankan dengan tiga perkara iaitu *heneng*, *hening* dan *heling*. *Heneng* berasal dari kata *meneng* yang bermaksud diam. Bagi mendapatkan konsentrasi (*khusyu’*), sesungguhnya seseorang perlu mendiamkan diri dan menyepikan dirinya. Lumrahnya keadaan begini dilakukan di kawasan sunyi dan di waktu tengah malam. Tujuannya untuk mendapatkan kekhusyu’kan





dan tumpuan terhadap apa yang diinginkan. Ia juga dapat dikaitkan dengan perlakuan *semedi* yang bermaksud bersemadi, menghening cipta atau bersembahyang (solat). Pada umat Muslim pastinya solat itu merupakan suasana pengheningan kerana kita diperlukan untuk benar-benar khusyu' kepada Allah.

Hening pula berasal dari perkataan *bening* yang bermakna jernih iaitu menjauhkan fikiran dari memikirkan perkara yang buruk. Melalui fikiran yang *bening* (jernih, bersih) manusia dapat berfikiran dengan pertimbangan akal yang waras. Kewarasan akal fikiran dalam menjalankan sesuatu pekerjaan atau memberikan sesuatu pendapat mewujudkan kesan yang baik dan bernas. Seterusnya ia memudahkan pencarian ilmu dan penerimaan ilmu pengetahuan. Hal ini sesuai dengan ungkapan yang mengatakan '*berfikir sebelum bertindak*' kerana manusia perlu memikirkan kesan yang bakal terjadi atas setiap perkara yang bakal dilakukan. Perlakuan ini tersimpul dalam kata *Heling* ataupun *eling* (beringat).

Heling atau *eling* bermaksud sentiasa beringat dan mengingati Tuhan dalam apa juga keadaan yang berlaku. Dalam Islam mengingati Tuhan iaitu Allah merupakan satu kewajipan. Misalnya dalam Rukun Islam, selain mengutarakannya ucapan syahadah sebagai satu syarat utama, seorang Muslim turut ditekankan ibadah solat lima waktu sehari semalam. Islam amat menekankan ibadat solat kerana di dalamnya terungkap istilah *heneng*, *hening* dan *heling*. Mengingati Allah menyebabkan manusia sentiasa berusaha menerima sesuatu dengan redha dan berusaha dengan sabar. Keadaan ini selaras dengan untung baik dan untung jahat daripada Allah yang terungkap dalam Rukun Iman yang keenam.

Jika dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Jawa, mereka amat menitik beratkan konsep *eling lan waspada* (ingat dan waspada) dan *sabar lan nrima* (sabar dan menerima). Beringat dan waspada ini merujuk kepada cara bertindak dalam kehidupan seharian. Dalam apa jua keadaan manusia perlu beringat bahawa diri mereka sendiri sebagai subjek utama yang berhubung dengan manusia, alam dan Tuhan. Melalui *eling* mereka akan sentiasa berwaspada menjaga batasan dalam setiap hubungan tersebut supaya ianya tidak menyakiti antara satu sama lain. Dalam masyarakat Jawa ungkapan *eling* ini amat sering dikutip daripada ungkapan yang pernah diberikan oleh Pujangga Agung Jawa Ranggawarsita '*Begja-begjane wong sing lali, luwih begja wong sing eling lan waspada*' yang bermaksud sebahagia-bahagianya orang yang lupa, lebih bahagia orang yang beringat dan berwaspada. Justeru, dalam budaya Jawa terdapat empat sikap yang harus dipunyai secara wajar iaitu, *sabar, pasrah, narima dan rela*.

Bagi menjaga hubungan tersebut manusia sering dipinta untuk memegang kepada keempat elemen tersebut dalam pencarian sesuatu ilmu. **Elemen kesabaranlah yang amat diperlukan.** Dengan rasa penuh kesabaran sahaja sesuatu perkara dapat diselesaikan dengan baik. Jika merujuk kepada pencarian ilmu, ia tidak mudah diperolehi kerana memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Sementara *nrima* merujuk kepada rela menerima sesuatu hasil sama ada positif





atau negatif setelah berusaha dan berikhtiar. Satu ungkapan yang lumrah didengar ialah ‘*yang baik itu dari Allah dan yang buruk itu datang dari manusia sendiri*’. Terkadang tanpa disedari manusia tersasar atau tergelincir dari landasan kehidupan, namun melalui ilmu pengetahuan yang menjadi batas kehidupan, manusia cuba menjaga keselarasan dan keseimbangan dirinya dan menerima ketentuan Tuhan dengan redha/rela.

Sebagai manusia, pencarian ilmu dan *ngelmu* bertujuan untuk mencari kebahagiaan sama ada di dunia atau akhirat. Selain itu tujuannya juga adalah untuk merasa senang, damai dan tenteram dalam menjalani kehidupan. Melalui ilmu, manusia dapat membezakan yang mana benar dan yang mana tidak benar serta membentuk keyakinan diri agar kental dan berani dalam menghadapi kehidupan. Justeru, terdapat empat tahap keyakinan yang boleh dicapai oleh manusia iaitu:

- a. **‘ilmul yakin**. Keyakinan di tahap ini berdasarkan ilmu asas dan mendalam tentang sifat-sifat ketuhanan dan ciptaan-Nya.
- b. **‘ainul yakin** iaitu tahap keyakinan seseorang bergantung kepada pengalaman yang dilalui seperti mempercayai tentang kekuasaan Allah dan sifat-sifanya yang lain seperti sifat adil dan bijaksana.
- c. **Hakkul yakin** iaitu tingkat yang meliputi keyakinan iaitu seseorang hanya ‘melihat’ kepada hakikat sesuatu, sama ada zahir atau batin. Misalnya melihat penyakit sebagai hikmah, iaitu kebaikan yang mengandungi sebab tertentu.
- d. **Kamil mukammil** iaitu tingkat yang tertinggi. Misalnya seseorang itu yakin bahawa setiap sesuatu yang terdapat dalam alam nyata dan ghaib itu adalah manifestasi zat dan sifat Allah (Haliza Mohd Riji 2000).

Walaupun manusia diwajibkan berilmu, tidak mungkin setiap jenis ilmu yang wujud itu mampu dimiliki. Ilmu yang pertama dan utama bagi setiap penganut Islam ialah ‘mengenal Allah’. Ilmu ini terangkum dalam bidang usuluddin (asal agama). Ilmu ini memberikan seseorang pengetahuan tentang dirinya dan semua yang terdapat di sekelilingnya. Setelah melengkapi dirinya dengan pengetahuan siapa dirinya tulah dia siapa Tuhannya (Haliza Mohd Riji 2000). Hal ini turut dibincangkan dalam kitab *Mujarobat* Jawa yang menekankan aspek Rukun Islam dan Rukun Iman di bahagian awal kitab tersebut. Jika dilihat dalam kedua-dua rukun tersebut, perkara pertama yang ditekankan ialah mengucap dua kalimah syahadat dan percaya kepada Allah (Abdul Rahman Abdul Aziz t.th.). Di dalam kitab tersebut juga menyatakan perihal sifat Nabi Muhammad s.a.w iaitu *sidik* (benar), *amanah* (kepercayaan), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatanah* (cerdik) (Abdul Rahman Abdul Aziz t.th.), dengan harapan semua penganut beragama Islam dapat mencontohi tingkah laku Nabi Muhammad s.a.w. Kemudian diteruskan dengan pencarian ilmu dalam bidang-bidang kehidupan yang lain, dan bidang selepas kehidupan. Ilmu-ilmu agama termasuk dalam tuntutan *fardhu ain* (ilmu yang mesti dipelajari oleh setiap muslim) dan *fardu kifayah*.





Selain itu Mu'adz bin Jabal berkata mengenai pengajaran dan pembelajaran ilmu dan meriwayatkannya secara Marfuk:

Belajarlah ilmu, kerana mempelajari ilmu kerana Allah adalah kebaikan dan menuntut ilmu adalah ibadah, kajiannya adalah seperti tasbih, penyelidikannya seperti jihad, pengajarannya adalah sedekah dan pemberiannya kepada ahliyah adalah pendekatan diri kepada Allah. Ilmu adalah penghibur di kala kesepian, teman di waktu menyendiri dan petunjuk di kala senang dan susah. Ia adalah pembantu dan teman yang baik dan penerang jalan ke syurga (Al Ghazali 2003).

Berdasarkan kepada kutipan tersebut, didapati bahawa ilmu adalah penting bagi setiap manusia. Ia bukan sahaja membantu manusia dalam urusan sehari-hari tetapi menjadi pendamping setia dalam pelbagai situasi yang berlaku pada diri setiap manusia.

Perembesan ilmu kepada orang lain merupakan satu sedekah bagi setiap manusia. Hal ini amat sering diungkapkan dalam pembelajaran agama bahawa ilmu yang tersebar adalah bekalan yang akan dibawa oleh setiap muslim selepas meninggal dunia. Bekalan ini termasuklah solat ketika hayat, doa daripada anak yang soleh, sedekah jariah dan ilmu yang diguna pakai oleh orang sebagaimana yang tertulis di atas tadi. Selagi ilmu yang diajar dan ditinggalkan itu digunakan oleh orang yang hidup, selagi itu juga si mati akan mendapat kebaikannya.¹

Bericara tentang ilmu, pasti ada kaitan pula dengan sistem pembelajaran atau pendidikan. Sistem ini boleh didapati secara formal dan tidak formal. Dalam masyarakat Melayu sering dikatakan alam yang dicipta Allah ini adalah sebagai guru sehingga banyak pembelajaran secara nasihat dilambangkan daripada alam. Misalnya peribahasa banyak diungkap daripada alam *seperti aur dengan tebing, seperti enau dalam belukar yang melepaskan pucuk masing-masing, seperti bulan dipagar bintang, seperti pinang dibelah dua* dan sebagainya. Dalam teks-teks Melayu lama teknik pembelajaran sering dipaparkan secara tidak langsung seperti seseorang putera raja akan pergi berguru di gunung untuk kekuatan lahir dan batin. Sistem pembelajaran ini lebih menjurus kepada sistem bimbingan peribadi (*private tuition*) sedangkan sistem pembelajaran masa kini adalah lebih merakyat, terarah dan terancang sebagaimana yang terungkap dalam Falsafah Pendidikan Negara Malaysia:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Dalam penampilan petikan di atas dapat dilihat suatu sistem pendidikan yang direncana untuk kesejahteraan sesebuah negara. Walau bagaimanapun matlamat yang dipaparkan di dalam falsafah pendidikan tersebut masih boleh





diperolehi dari sistem pembelajaran terutamanya untuk mewujudkan individu ideal selaras dengan nilai yang ada di dalam masyarakat pada ketika itu. Untuk memaparkan sistem formal dan tidak formal masa kini ia dapat dilihat dalam pembahagian di bawah:

- i. Sistem pembelajaran formal – sekolah, maktab dan Institusi Pengajian Tinggi.
- ii. Sistem pembelajaran tidak formal – persekitaran fizikal, persekitaran sosial seperti melalui keluarga, kumpulan sosial, masa lapang dan pekerjaan.

Pada tahap pendidikan formal, kanak-kanak berusia tujuh tahun akan memasuki sekolah. Oleh itu Islam menekankan bahawa kanak-kanak pada peringkat ini diajar dengan solat dan acara ibadat yang lain sedikit demi sedikit sehingga kanak-kanak tersebut mencapai umur taklif. Hal ini bertujuan untuk melengkapkan mereka sebagai seorang muslim apabila sampai waktu baligh nanti. Sabda Rasullullah yang bermaksud:

“Suruh dan ajarilah anakmu sembahyang, dan pukullah mereka sekiranya meninggalkannya (sembahyang) bila meningkat umur sepuluh tahun” (Mohd Ali Abu Bakar 1988).

Sementara itu menurut pandangan Islam pendidikan formal dipelajari sejak seorang kanak-kanak itu lahir hingga dia mati. Imam Syafie mengatakan: “*Tuntutlah ilmu sejak dari buaian lagi hingga ke liang lahad*” (Mohd Ali Abu Bakar 1988). Hal ini bermakna Islam menggalakkan setiap penganutnya menuntut ilmu tanpa mengira batas usia.

Suatu perkara yang sangat penting ialah pendidikan yang diamalkan itu berdasarkan kepada konsep kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan kerana ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh manusia itu datangnya daripada Tuhan iaitu Allah sebagai Pentadbir sekelian alam. Justeru, masyarakat Jawa bertanggapan bahawa konsep **ngelmu adalah ajaran rahsia yang mencakup hubungan antara manusia dengan Pencipta**. Manusia digalakkan untuk mencari ilmu pengetahuan yang hanya dapat diperolehi melalui pembelajaran dan berusaha dengan sekuat mungkin. Sesuatu ilmu itu tidak mudah diperolehi kecuali dipelajari dengan jiwa tabah dan semangat kental. Di sinilah wajarnya peribahasa Melayu yang berbunyi:

“Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian,
Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.”

Justeru, boleh dikatakan setiap manusia inginkan kesempurnaan dalam kehidupan. Berjaya atau tidak sesuatu matlamat yang diingini adalah suatu soal yang dapat dilihat dari persektif sebab dan akibat. Pada masyarakat Jawa ilmu kesempurnaan ini hanya dapat dilihat melalui konsep **Sangkan Paraning Dumadi**.





Sangkan Paraning Dumadi

Mencari ilmu kesempurnaan (*ngelmu kasampurnan*) boleh disingkap daripada konsep *Sangkan Paraning Dumadi*. Menurut Suseno (1984), ia bermaksud pengetahuan tentang asal dan tujuan segala apa yang diciptakan. Konsep tersebut boleh dibahagikan kepada dua perkara iaitu *Sangkaning Dumadi* dan *Paraning Dumadi*. Menurut Soesilo (2000) *Sangkan Dumadi* membawa pengertian:

Berasal dari jiwa (sukma) manusia yang disebut “paner”. Ia adalah dari alam ghaib, lahir dan hidup ke alam dunia, dengan jalan atau proses pakaian empat anasir alam; udara – air – api – tanah, yang rohnya menjadi empat saudara jiwa yang lahir menjadi manusia ke dunia, melalui perantaraan laki-laki (bapa) dan perempuan (ibu) yang bersifat positif dan negatif.

Sementara *Paraning Dumadi* pula bermaksud:

Adanya perjalanan hidup manusia di dunia dengan memilih dan menentukan kehidupan/nasibnya sendiri; kemudian beralih menempuh perjalanan lelakon sesudah mati, raganya (roh) berada di alam ghaib.

Jika dikaitkan dengan ajaran Islam, konsep ini bermaksud “dari mana manusia datang dan kepada siapa manusia kembali”. Jawapan bagi persoalan ini terdapat dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 156 yang bermaksud:

“Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya-lah kami kembali” (Harun Nasution 1992).

Pernyataan tersebut mencerminkan keadaan iman dan suara batin yang tinggi dan stabil seorang Muslim. Kata-kata tersebut dinamakan istilah *istirja*² (kembali kepada Allah), disunnatkan mengucapkan pada waktu ditimpa musibah, sama ada musibah kecil atau musibah besar. Secara batiniah agak payah/susah bagi seseorang untuk melahirkan pernyataan demikian jika tidak didorong oleh rasa keimanan yang tinggi. Sebagai manusia, sesuatu yang berlaku harus diterima dengan sabar. Kesabaran hanya diperolehi melalui pengabdian yang tinggi kepada Allah.

Hal tersebut dapat dikaitkan dengan ilmu *penembah* sebagai satu cara untuk mencari ilmu kesempurnaan (*ngelmu kesampurnan*). *Panembah* ialah satu cara berbakti kepada Tuhan dan berfungsi untuk menghindarkan diri daripada pengaruh cengkaman nafsu keinginan keduniawian (kepentingan jasmaniah) atau (nafsu kedagingan). Ia menjadi pendinding atau penyekat supaya jiwa manusia dapat mendekati Tuhan. Berbakti merujuk kepada perlakuan ‘sembahyang’³ atau dari perspektif Islamnya bermaksud solat. Sembahyang adalah rangkuman daripada perkataan menyembah Sang Hyang dan perspektif ini lebih kepada Sang Hyang Tunggal atau Sang Pencipta. Solat pula merupakan satu cara muslim menghambakan dirinya kepada Allah dan mensyukuri nikmat yang telah diberikan oleh-Nya.

Keilmuan Jawa ini amat sering terungkap dalam pewayangan Jawa dan gambaran dapat ditelusuri daripada beberapa pagelaran wayang purwa oleh





Ki Narthosabdho. Terdapat satu bait tentang *Dhangdhanggula* yang menggambarkan pandangan Jawa tentang asal tujuan hidup, atau awal dan akhir hidup manusia seperti berikut:

*Kawruhan sejatining urip
Manungsa urip ana ing donya
Prasasat mung mampir ngombe
Upama manuk mabur
Oncat saking kurunganeki
Ngendi pencokan benjang
Ywa kongsi keliru
Upama wong lunga sanja
Njan sinnanjan nora warung mesti mulih
Mulih mula-mulanya.*

Terjemahan bebas tersebut:

Ketahuilah perihal hidup sejati
Manusia hidup di dunia
Ibarat hanya singgah untuk minum
Ibarat burung terbang
Lepas tinggalkan kurungan
Di mana nanti hinggap
Janganlah keliru
Ibarat orang bertandang
Saling tengok dan akhirnya harus pulang
Pulang ke asal semula. (Soesilo 2000).

Daripada bait tersebut secara samar-samar dapat difahami pandangan Jawa tentang *sangkan paraning dumadi* iaitu asal mula dan tujuan akhir segala yang ada di dunia ini. Manusia hidup di dunia ini hanya sementara, ibarat hanya singgah sebentar untuk ‘minum’. Oleh kerana itu dunia yang fana ini disebut alam *madya* (Soesilo 2000) yang bermaksud dunia tengah sebelum manusia meneruskan perjalanan hidupnya ke alam akhirat.

‘Minum’ dapat ditafsirkan sebagai pengetahuan yang sering dikehjarn oleh setiap manusia yang ‘dahaga’. Sekiranya dikaitkan dengan realiti kehidupan bahawa air adalah elemen penting dalam kehidupan. Hal ini dapat dikaitkan dengan kepentingan air dalam badan manusia dan sejarah dengan ilmu sebagai keperluan rohani bagi setiap insan dan makhluk di dunia. Justeru, wajarlah jika istilah “minum” itu digunakan kerana setiap manusia tidak lepas dari rasa ‘dahaga’ yang bermakna mencari ilmu pengetahuan untuk bekalan kehidupan di dunia dan akhirat.

Bait *Dhangdhanggula* di bawah dapat menjelaskan kesamaran tersebut:

*Saking pundi kawitane nguni
Manungsa kutu walang atasaa*





*Kang gumelar ngalam kiyé
Sayekti kabeh iku
Mesthi ana ingkang nganani
Yeku kang karya jagad
Ingkang Maha Agung
Iku kang dadi paranireki
Sanguning kang dumadya.*

Terjemahannya:

Dari mana asal mulanya dulu
Manusia dan segala makhluk
Segala yang ada di alam ini
Sebenarnya semua itu
Pasti ada yang mengadakan
Yaitu Pencipta Alam Semesta
Tuhan Yang Maha Agung
Itulah asal mula
Dan itulah pula tujuaan akhir
Dari semua yang ada. (Soesilo 2000).

Berdasarkan bait di atas dapat ditarik satu kesimpulan yang sesuai, iaitu manusia dan alam semesta adalah ciptaan sang Pencipta. Jika dilihat dari sudut Islam, pencipta yang dimaksudkan dalam bait di atas ialah Allah sebagai Penguasa semesta alam. Dialah yang berhak ke atas setiap kejadian yang ada di alam ini.

Ngelmu dan Rasa

Selain memperolehi ilmu pengetahuan secara formal, pengetahuan diperolehi dari empat sumber lahiriah iaitu tuntutan adat, istiadat, *tatakrama*, hirarki dan kerukunan (Suseno 1984). Namun itu tidak cukup, manusia diperlukan untuk mengetahui kewajipan-kewajipannya. Pengertian ini membuka diri dalam perasaan batin dan terungkap dalam istilah *rasa*.

Rasa bererti menebak ke dalam yang hakiki. Dalam *rasa* terjadi suatu pertumbuhan atau pendalamkan keperibadian (Suseno 1984). Melalui *rasa* keharmonian dan keserasian dapat diwujudkan. Dengan ini dapatlah seseorang itu menanggapi bahawa setiap yang hidup mempunyai rasa dan setiap yang merasa itu pastinya hidup (Noriah Mohamed 2005). *Rasa* mengajar manusia bagaimana harus membawa diri dan berkelakuan yang sesuai dalam kehidupan. Dalam *rasa* terjadi suatu pertumbuhan atau pendalamkan keperibadian. Pengertian seperti ini bukan suatu yang lahiriah, kebetulan, kuantitatif, melainkan suatu realiti pada subjek yang mengerti itu sendiri (Suseno 1984). Maka tidak menghairankan bahawa pengertian bagi orang Jawa hampir dengan “kekuatan batin” (*kesakten*) seperti yang terungkap dalam istilah *ngelmu* sekaligus bererti





ilmu pengetahuan, pengertian (dalam ilmu mistik) dan “kekuatan magis” (Suseno 1984). Hal ini dikemukakan oleh Clifford Geertz yang menyatakan *ngelmu* juga bererti kesaktian yang memperlihatkan bahawa kesaktian itu sendiri hanyalah bentuk tertinggi kemampuan manusia untuk bertindak pada umumnya (Suseno 1984). Gambaran ini bermakna melalui *rasa*, manusia cuba mengimbangkan kehidupannya sama ada dunia dan akhirat. Bagi memenuhi keperluan tersebut manusia akan sentiasa bersikap ‘*eling*’ (Suseno 1984), iaitu mengingati asal usulnya sendiri yang terangkum dalam konsep *sangkan parating dumadi*.

Penggunaan *rasa* (perasaan) yang mendalam tergambar dalam pergaulan dan percakapan dalam budaya Jawa. Kita sering didedahkan dengan ucapan “*fikir dulu sebelum bertindak*” dan dalam bahasa Jawa ada ucapan *dipikir/dinalar ndisik* (diucapkan untuk sesama) dan *dipun galih rumiyin* (untuk orang yang lebih tinggi kedudukannya). *Galih* bermaksud hati iaitu inti atau pusat yang terdalam. Dengan jalan *menggalih*, ia membawa makna bahawa usaha harus disertakan dengan unsur *rasa* (Darori Amin 2000). Melalui penggunaan bahasa ngoko-krama dalam ungkapan di atas menunjukkan penggunaan perasaan yang lebih tinggi dan tumpuannya lebih kepada rasa penghormatan terhadap orang lain.

Pengetahuan untuk mengendalikan *rasa* boleh juga dilihat melalui bunyi muzik Jawa ‘*neng – ning – nung – nang*’ (Darori Amin 2000), yang mengandungi simbol tertentu. Bunyi tersebut bermakna sebelum berbuat sesuatu seseorang harus memperhatikan bahawa perasaannya tenang, terang dan diam (*neng/meneng*). Hanya dengan *meneng* jiwa itu akan menjadi jernih (*ning/bening*), dan dapat berfikir dengan baik (*nung/anung*). Dengan cara itu segala persoalan yang kusut akan terungkai dan mendapat jalan penyelesaiannya (*nang/menang*).

Pengetahuan tentang ilmu mencakup bidang yang amat luas sama ada ilmu di dunia atau akhirat. Justeru itu bagi mengimbangi ilmu dunia dan akhirat, prinsip ‘lima S’ telah dikemukakan oleh Soesilo (2000) sebagai pedoman hidup iaitu:

- S1 – Sihat (mewakili badan)
- S2 – Senang (mewakili jiwa)
- S3 – Sosial (amal)
- S4 – Sujud (solat)
- S5 – *Sumeleh* (pasrah)

Secara umumnya manusia ingin sihat dan tidak ingin sakit. Manusia akan menjaga kesihatan dan memakan yang berzat semata-mata untuk menghindarkan diri daripada sebarang penyakit (S1). Manusia rela menghabiskan wang untuk berubat demi mencapai kesihatan. Senang (S2) hanya boleh dicapai melalui usaha yang berpanjangan dan bagi mencapainya disiplin diri yang kuat amat diperlukan. Senang dalam kehidupan ertiinya kehidupan yang tidak dibebani





dengan pelbagai masalah dan menikmati keperluan hidup tanpa diganggu-gugat.

Amalan merujuk kepada sosial (S3) seperti bersedekah. Menurut Islam, apa yang diperolehi manusia berasal dari Tuhan. Ia selaras dengan konsep pemberian zakat dan fitrah yang bertujuan membantu golongan yang kekurangan supaya mereka dapat merasa rezeki yang diberikan Allah.

Selanjutnya ialah sujud (S4) sebagai satu cara mendekatkan diri dengan Allah. Jika ingin menjadi manusia yang sempurna dan baik, manusia diperlukan untuk sembahyang atau sujud (Soesilo 2000). Ia merupakan Rukun Islam yang kedua penting dan wajib diamalkan. Perbuatan amal dan solat harus berjalan seimbang kerana kedua-duanya sama penting. Setelah memenuhi keempat-empat hal tersebut, maka muncullah *sumeleh* atau pasrah (S5). Gambaran ini adalah tingkat terakhir kerana hasil yang diperoleh adalah ketentuan Illahi.

PENUTUP

Ilmu dan *ngelmu* merupakan dua istilah yang tidak dapat dipisahkan dalam sarana mencari ilmu pengetahuan. Ilmu diperolehi melalui pelbagai cara sama ada secara formal atau tidak formal sedangkan *ngelmu* lebih menjurus kepada unsur batin yang diterima melalui *laku* dengan matlamat mencari kesempurnaan dan kebijaksanaan. Di sinilah munculnya pengertian *heneng*, *hening* dan *heling* dalam pencarian *ngelmu* selain dasar diri yang kukuh kepada elemen *sabar*, *pasrah*, *narima* dan *rela*. Walaupun terdapat adanya perbezaan namun semuanya adalah bersumber daripada sang Pencipta dan dalam konteks Islam ialah Allah. Manusia sekadar makhluk yang dicipta dan untuk mengenali Tuhannya secara dekat, seseorang itu harus pula mengenali dirinya terlebih dahulu. Ilmu dan *ngelmu* adalah alat dalam memberikan jawapannya

NOTA

- ¹ Wawancara dengan Datin Ustazah Latifah pada 7 Ogos 2008.
- ² Pada dasarnya kalimat *istirja'* diajarkan Islam supaya diucapkan ketika menghadapi ujian dan cubaan dari Allah dengan sikap sabar. Dalam mempraktikkan kehidupan, ramai yang telah menghadapi ujian dan cubaan, baik kecil ataupun besar. Ujian dan cubaan pada hakikatnya adalah pengalaman-pengalaman yang sangat berharga. Pengalaman-pengalaman adalah guru yang paling baik. Orang yang mahu berguru pada pengalaman-pengalaman masa lalunya pantas memperoleh hidup sukses. Ibid.
- ³ Menurut Soesilo (2000), perkataan “Sembah Hyang” meminjam kata sembah yang bermaksud berbakti kepada “Hyang” iaitu Tuhan. Jadi “Sembah Hyang” bererti “menyembah Tuhan”. Ia turut mempunyai hubungan rapat dengan kata *penembah* yang berasal dari kata sembah iaitu cara menghormati Raja dengan menguncupkan dua belah tapak tangan dipadukan, kemudian dua ibu jarinya ditempelkan pada ujung hidung.





RUJUKAN

- Abdullah Ciptoprawiro. 1986. *Filsafat Jawa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. t.th. *Mujarobat* (Jawa). Terj. Singapura.
- Al Ghazali. 2003. *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Terj. Zaid Husein Al Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Darori Amin, H.M. (ed). 2000. *Islam dan kebudayaan Jawa*. Yogyakarta: Gama Media.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haliza Mohd. Riji. 2000. *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Nasution (pnys). 1992. *Ensiklopedi Islam Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Mohd. Ali Abu Bakar. 1988. *Konsep keilmuan menurut Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Noriah Mohamed. 1994. Bahagian V. Hasil. Laporan Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah Mohamed. 2005. Emban Rasa: mendukung rasa/menimbang rasa. Bengkel Penyelidikan Bersama Indonesia Malaysia: Perbandingan Pembangunan Komuniti. 17-18 Nov.
- Soesilo. 2000. *Sekilas tentang ajaran kejawen sebagai pedoman hidup*. Surabaya: CV Medayu Agung.
- Suseno, M.F. 1984. *Etika Jawa sebuah analisis falsafi tentang kebijaksanaan hidup Jawa*. Jakarta: PT Gramedia.



*Noriah Mohamed, Ph.D.
Felo Penyelidik Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mel: nong@pkri.scc.ukm.my*

*Yusmilayati Yunos
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.*

